

# Program Biasiswa Cagamas bantu pelajar cemerlang

**Kuala Lumpur:** Cagamas Bhd (Cagamas), Perbadanan Gadai Janji Nasional menganugerahkan biasiswa kepada lima pelajar terpilih melalui Program Biasiswa Cagamas.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Cagamas, Chung Chee Leong, berkata program ini adalah sebahagian daripada usaha syarikat untuk menyumbang kepada agenda pembangunan pendidikan di negara ini.

Beliau berkata, Cagamas percaya pendidikan adalah satu pelaburan modal insan jangka panjang serta

sebagai penyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara.

“Cagamas sentiasa komited dalam usaha membantu menghulurkan dana biasiswa kepada pelajar yang cemerlang dalam pelajaran.

## Melalui saringan

“Biasiswa Cagamas menggunakan pendekatan holistik dengan memberikan sokongan dalam membangunkan kemahiran insaniah serta menyediakan mentor kepada setiap

penerima biasiswa ketika mereka di universiti,” katanya dalam satu kenyataan media di sini, baru-baru ini.

Penerima Biasiswa Cagamas untuk 2016 iaitu Na Chin Aun dari Universiti Malaya; Alyssa Wong Sze Minh (Universiti Kebangsaan Malaysia); Fatin Kamili Muhammad Iqbal (Universiti Teknologi MARA); Kosalyah Vanu dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Khong Sheh Ann dari Universiti Sains Malaysia (USM).



**Chee Leong (empat dari kanan)** dan Pengurus Cagamas Holdings Berhad, Datuk Ooi Sang Kuang (empat dari kiri) bersama lima penerima Biasiswa Cagamas, baru-baru ini.